

PBRS boleh dibubar jika langgar peraturan

PUTRAJAYA 1 Feb. — Pendaftar Pertubuhan (ROS) berhak mengambil tindakan membubarkan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) jika parti itu melanggar undang-undang dalam perkara berhubung pertikaian dalamannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagaimanapun berkata, perkara itu perlu diteliti terlebih dahulu, sama ada PBRS benar-benar melanggar undang-undang pendaftaran pertubuhan.

"Kita kena tengok sama ada undang-undang dilanggar atau tidak, kalau mereka melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang, saya fikir ROS berhak bertindak," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari yang menyebut ROS akan mengambil tindakan terhadap PBRS termasuk membubarkan parti itu jika gagal menyelesaikan pertikaian dalamannya.

Kontroversi

Semalam, Pengarah ROS Sabah, Taisin Gantor berkata, setakat ini hanya wakil Datuk Dr. Jeffrey Kitingan menghantar laporan hasil kongres ketujuh parti itu yang penuh kontroversi kelmarin.

Bagaimanapun, laporan itu tidak lengkap apabila tidak disertakan dengan senarai Ahli Jawatankuasa (AJK) dan laporan kewangan.

Presiden PBRS, Tan Sri Joseph Kurup dijangka menyerahkan laporan me-

UM - 2 FEB 2002
syuarat yang dikendalikan oleh penyokongnya selewat-lewatnya hari ini.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, dalam hal ini kerajaan perlu lebih berhati-hati kerana kadang-kadang ada orang yang cuba menggunakan undang-undang untuk menggagalkan tindakan politik.

Krisis dalam PBRS semakin meruncing apabila penyokong Dr. Jeffrey Kitingan mengumumkan beliau sebagai presiden dalam Kongres parti yang berakhir Rabu lalu.

Berikutan itu, Joseph dan Dr. Jeffrey masing-masing mendakwa sebagai presiden parti dan mesyuarat diadakan oleh kumpulan masing-masing didakwa sah kerana lebih 50 peratus perwakilan mengundi.